

Kerjasama IPT, sektor swasta lembap

☞ U.M 3/7/07 M/S 25



MUSTAPA Mohamed (dua dari kanan) berbual dengan para tetamu Dialog MICCI 2007 di Kolej Universiti Sunway, Petaling Jaya, semalam.

PETALING JAYA 2 Julai - Kementerian Pengajian Tinggi kecewa dengan tahap kerjasama di antara institusi pengajian tinggi (IPT) dan sektor swasta dalam memberi latihan praktikal kepada pelajar IPT.

Menterinya, Datuk Mustapa Mohamed berkata, kerjasama yang lembap di antara IPT dan sektor swasta menjejaskan usaha kerajaan untuk membina kepakaran di dalam modal insan negara ini.

"Kementerian berharap perkara ini dapat diselesaikan memandangkan pelajar IPT perlu mempunyai kepakaran dan pengetahuan yang luas dalam bidang yang mereka ceburi untuk menjadi pekerja berkemahiran," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan Dialog Pendidikan-Industri Dewan Perdagangan dan Industri Antarabangsa Malaysia (MICCI) 2007 di Kolej Universiti Sunway, di sini hari ini.

Seminar anjuran MICCI itu mengupas lima perkara iaitu keperluan industri, penyelidikan dan pembangunan, skim latihan praktikal, merapatkan jurang di antara IPT serta kerjaya dan perkhidmatan mencari pekerjaan.

Antara terlibat dalam dialog itu ialah Pengerusi Kumpulan Syarikat Philips, Dr. Rajah Kumar; Pengerusi Eksekutif Nisantara Technologies Sdn. Bhd., Datuk Ghazali Yusoff dan Naib Presiden Kanan Malaysia Biotechnology Corporation Sdn. Bhd., Profesor Norazmi Mohd. Nor.

Mustapa memberitahu, latihan praktikal amat penting bagi menyelesaikan masalah lepasan IPT yang dihadapi oleh negara pada masa ini.

Katanya, terdapat dua masalah utama berkaitan dengan lepasan IPT iaitu mereka tidak mempunyai kepakaran sehingga terpaksa diberi latihan selepas menamatkan pengajian dan mereka yang menganggur.

"Kedua-dua masalah ini perlu diselesaikan agar negara tidak terus berhadapan dengan masalah untuk mendapatkan pekerja yang mempunyai kepakaran dan pengalaman untuk industri-industri kritikal," katanya.

Mustapa memberitahu, kementerian telah menubuhkan sebuah jawatankuasa khas yang dipengerusikan oleh beliau bagi mengkaji pelaksanaan latihan praktikal kepada pelajar-pelajar IPT.